

26 APR 2001

Mahathir-Globalisasi

UMAT ISLAM HARUS TENTUKAN GLOBALISASI YANG MEREKA MAHU, KATA PM

Oleh: Harlina Samson

DUBAI, 26 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Islam harus menentukan jenis globalisasi yang mereka mahukan.

Umat Islam harus menjadi satu ummah dan satu masyarakat di bawah Islam, dan tidak menganggap diri mereka sebagai rakyat sesebuah negara, katanya pada sesi soal jawab di Forum Antarabangsa Emiriyah.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan dua hari ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE), terdahulu memberikan ucapan utama berkaitan "Menghadapi Cabaran Abad Ke-21: Peranan Negara-negara Islam."

Beliau berkata umat Islam sendiri tidak menerima globalisasi apabila mereka menganggap diri mereka rakyat sesebuah negara dan sanggup berperang sesama sendiri.

Dr Mahathir juga menekankan agar negara-negara Islam harus mempunyai pentadbiran yang baik, mewujudkan kerajaan yang stabil dan berdedikasi untuk membangunkan negara.

Beliau berkata mereka juga harus mewujudkan hubungan yang baik antara negara-negara Islam.

"Sudah tentu banyak ketidakadilan ... tetapi dengan mempamerkan kemarahan dengan keganasan ia tidak akan membawa kebaikan untuk kita semua," katanya.

Beliau berkata umat Islam harus menyetepikan perasaan tidak baik dan kehampaan dengan membangunkan kebolehan dan kekuatan.

Beliau berkata negara-negara Islam tidak akan ditekan atau dibuli oleh negara-negara maju jika mereka kuat dan mencapai taraf yang sama dengan negara-negara maju.

Berkaitan pentingnya memperolehi ilmu dan kemahiran, beliau berkata umat Islam seharusnya tidak menolak sepenuhnya pendidikan Barat hanya kerana ia adalah sekular.

Beliau berkata umat Islam harus memberi tumpuan pada ilmu memandangkan mereka tidak memberikan banyak perhatian untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran moden, yang diperlukan bagi pembangunan negara dan untuk mempertahankan diri mereka.

"Kita perlu mendapatkan ini (pengetahuan moden) dan menetapkan jumlah orang yang mencukupi bagi mendapatkan kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan negara kita," katanya.

Dr Mahathir berkata orang yang berilmu adalah lebih baik daripada orang yang jahil.

-- BERNAMA

HS DC RI